

Anak Kedah diminta sahut seruan Mahathir

ALOR SETAR 10 Mac — Ketua Pemuda UMNO Kedah, Ariffin Man berpendapat, anak muda di negeri ini perlu segera menyahut seruan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dengan membuktikan mereka juga berkebolehan.

Sambil mengangap kekecewaan Perdana Menteri itu sebagai satu cabaran, beliau

berharap, lebih ramai lagi rakyat negeri ini berhijrah menimba pengalaman di kedua-dua pusat pentadbiran Kerajaan Pusat di Putrajaya dan di ibu negara.

“Pemuda Kedah menyeru anak muda di negeri ini menelusuri kekecewaan Perdana Menteri dengan membuktikan keupayaan mereka yang tidak ada bezanya dengan

anak muda dari negeri lain,” ujar beliau.

Beliau mengulas kekecewaan Dr. Mahathir semalam bahawa tidak ramai penduduk negeri Kedah menyertai perkhidmatan awam, swasta serta aktiviti perniagaan di Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Menurut Dr. Mahathir,

mereka tidak sepatutnya bersikap seperti katak di bawah tempurung dengan mengangap negeri Kedah sahaja sebagai ‘yang terbaik di dunia’ sehingga tidak berminat membina kerjaya di tempat lain.

Sementara itu, Pengerusi Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) Kedah, Mohd. Rozi Mohd.

Jamil mendakwa kekurangan anak Kedah menyertai perkhidmatan awam sehingga menyebabkan banyak jawatan penting dalam Kerajaan Pusat dipegang oleh penduduk negeri lain dikatakan berkait rapat dengan politik semasa.

Beliau berpendapat, generasi muda kurang berminat menyertai jabatan kerajaan

UM 11 MAR 2002

kerana terpengaruh ideologi politik pembangkang. “Ini termasuk mereka yang lulus dari pusat pengajian tinggi,” katanya.

Menurutnya, faktor kedua ialah kebanyakan rakyat negeri ini pada masa lalu menjawat jawatan rendah selepas tamat persekolahan kerana desakan hidup.